

Lahir pemain bertaraf dunia

Pusat latihan kriket dibina di SK Bandar Banting



Jacob menyampaikan sumbangan peralatan kriket kepada Siti Hanim.

BANTING - Persatuan Kriket Melayu Malaysia telah membina lapangan tengah (gelanggang permainan) dan tempat latihan kriket di Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Banting di bawah Program Pembangunan Kriket bagi mengaktifkan sukan berkenaan.

Penasihat Persatuan Kriket Selangor, Jacob Mathews berkata, dengan adanya kemudahan itu diharapkan pihak sekolah dapat melahirkan pemain kriket yang berkemahiran tinggi dan bertaraf dunia.

"Sebelum ni kami pernah terima cadangan untuk bina tempat latihan itu di SK Bandar Banting, jadi inilah masanya untuk kami realisasikan.

"Bagi saya program ini telah berjaya cangkil bakat dari sekolah rendah ke sekolah menengah di mana ada beberapa pemain telah mewakili pasukan kumpulan umur Malaysia serta pasukan induk Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima Tokoh Dwen

Saya sedih sebab satu usaha pihak persatuan yang telah memberi tapak untuk membangunkan beberapa pemain lelaki dan wanita yang telah mewakili kriket dalam Sukan Sea perlu ditamatkan. Jadi pembinaan tempat latihan di SK Bandar Banting adalah usaha kami yang terakhir." - Jacob

INFO ● Gelanggang permainan, tempat latihan dibina bagi mencungkil bakat sehingga ke peringkat akar umbi

2017 (Tokoh Dasar Warga Emas Negara) Sekolah, SK Bandar Banting selain turut dilantik sebagai Penaung Pasukan Kriket sekolah itu.

Menurutnya, kriket yang terkenal sebagai sukan yang diminati oleh golongan elit, kini telah dibangunkan secara menyeluruh di negara ini hasil inisiatif persatuan itu.

"Namun, oleh sebab

yang tak dapat dilakukan, pihak persatuan telah tamatkan program pembangunan kriket di semua 21 pusat di seluruh Malaysia mulai Oktober tahun ini.

"Saya sedih sebab satu usaha pihak persatuan yang telah memberi tapak untuk membangunkan beberapa pemain lelaki dan wanita yang telah mewakili kriket dalam Sukan Sea perlu ditamatkan. Jadi pembinaan tempat latihan di SK Bandar Banting adalah usaha kami yang terakhir," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyampaikan satu set peralatan kriket kepada guru besar sekolah itu, Siti Hanim Sungip.



Hasiman (kanan) dan Abdul Fatah (dua, kanan) menyampaikan sumbangan kepada asnaf.



Hafez (dua, kanan) diliringi Othman (kanan) dan Ketua Umno Cawangan Banting Bandar, Sudirman Esmon melawat warga emas yang uzur di Kampung Kelanang.



Hafez menyampaikan sumbangan kepada golongan memeritukan.



KLIK **SUMBANGAN KEPADA ASNAF** Dua bekas wakil rakyat, Datuk Abdul Fatah Iskandar (Dun SijangKang) dan Hasiman Sidom (Dun Morib) turun padang menyerahkan sumbangan kepada asnaf di Kampung Kelanang, Ahad lalu. Menurut Timbalan Koordinator Dun Morib, Hafez Shukidin, penyerahan sumbangan dijanjikan dengan kerjasama PDM Kelanang yang diketuai Othman Manan. "Selain asnaf, kami turut memberi sumbangan kepada warga emas yang uzur serta lain-lain golongan yang memerlukan bantuan berupa barangan keperluan harian," katanya.